



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN **STPM & MUET** **2020**

Seni Visual (970)



KANDUNGAN

Seni Visual (970/1)	1 – 3
Seni Visual (970/2)	5 – 6

SENI VISUAL (970/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 8 789 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 59.87% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.02	4.60	5.56	6.50	11.03	11.41	10.75	5.35	7.61	4.37	22.80

RESPONS CALON

Komen am

Kertas ini ialah kertas eseai bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan eseai panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dilihat lemah dalam menguasai soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Calon juga lemah dalam menulis pendahuluan dan penutup atau rumusan pada soalan bahagian eseai. Kekuatan calon ialah dapat memberikan fakta dan huraian yang betul pada kebanyakkan soalan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b) dan soalan merujuk kepada gambar catan yang bertajuk *Mercu Wawasan* oleh Syed Ahmad Jamal. Pada bahagian (a), calon perlu menjelaskan maksud imej Menara Berkembar. Manakala pada bahagian (b), calon perlu menjelaskan maksud tajuk catan iaitu Mercu Wawasan. Soalan ini menguji kefahaman calon mengenai maksud tersurat dan maksud tersirat hal benda yang terdapat dalam catan tersebut. Maksud tersurat berkaitan dengan menara berkembar dan maksud tersirat iaitu mesej yang ingin disampaikan adalah berkaitan mercu wawasan. Calon dapat menjawab di bahagian (a) dengan baik namun di bahagian (b) kebanyakkan calon tidak memahami kehendak soalan tentang Mercu Wawasan dan tidak dapat mengaitkan maksud mercu wawasan dengan impian atau hasrat. Malah terdapat juga calon yang mengulang jawapan (a) di bahagian (b).

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan tiga gerakan seni yang terdapat dalam sejarah seni visual di Malaysia. Sebahagian besar calon keliru dengan istilah gerakan seni. Terdapat calon yang menganggap gerakan seni itu ialah istilah di dalam prinsip rekaan. Selain itu, terdapat juga calon

menjawab gerakan seni dari aspek peranan aktiviti dalam perkembangan seni visual tanah air seperti Penang Impressionist, Wednesday Art Group, dan sebagainya.

Soalan 3

Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b). Kehendak soalan ialah menjelaskan peranan karya seni dari aspek (a) Pembangunan budaya dan (b) Kemasyarakatan. Kebanyakkan calon tidak berjaya menjawab soalan di bahagian (a) dengan baik. Calon hanya menerangkan maksud budaya dan tidak mengaitkannya dengan seni visual. Namun pada bahagian (b) kebanyakkan calon dapat menjawab soalan dengan baik dan memahami kehendak soalan berkaitan dengan masyarakat.

Soalan 4

Soalan ini juga perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b) dan soalan merujuk kepada gambar catan yang bertajuk *Paul III* oleh Chuck Close. Pada bahagian (a) calon dikehendaki membuat analisis dari aspek kesatuan. Kebanyakkan calon tidak memberikan jawapan yang betul dari aspek kesatuan. Jawapan calon hanya umum dan secara asas sahaja. Soalan pada bahagian (b) pula, calon diminta untuk membuat penilaian pengolahan dari aspek formal dalam karya tersebut. Calon tidak menjawab soalan dengan betul dan penyusunan fakta bercampur aduk. Calon sepatutnya memberikan jawapan satu unsur seni dan satu prinsip rekaan tetapi ramai calon hanya fokus pada unsur seni sahaja.

BAHAGIAN B

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menterjemahkan makna menerusi aspek formal dalam karya bertajuk *Vietnam II* oleh Nirmala Shanmughalingam. Soalan ini antara soalan eseai yang menjadi pilihan calon kerana calon hanya perlu memberikan makna dan mesej yang hendak disampaikan dalam karya berkaitan dengan perperangan di Vietnam. Namun begitu, kelemahan calon sangat jelas kerana jawapan yang diberikan tidak relevan dengan aspek formal. Kebanyakkan calon menceritakan perperangan tanpa mengaitkan dengan mana-mana aspek formal.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perbezaan antara pembabitan penaungan seni oleh individu dengan pembabitan penaungan seni oleh institusi seperti muzium dan galeri. Soalan ini tidak menjadi pilihan oleh majoriti calon. Calon tidak dapat menampakkan perbezaan antara individu dan institusi. Kebanyakkan calon hanya menyatakan perbezaan secara umum sahaja tanpa dapat membandingkan secara setara.

Soalan 7

Soalan ini menjadi soalan pilihan oleh kebanyakkan calon. Soalan ini menghendaki calon menerangkan bagaimana kajian warna diaplikasikan dalam karya yang bertajuk *A Sunday Afternoon on The Island of La Grande Jatte* oleh Georges Seurat. Calon faham dengan kehendakkan soalan dan menjawabnya dengan baik. Calon berjaya membincangkan kajian warna dalam konteks warna sekunder, gabungan warna asas menggunakan teknik titik, penggunaan warna-warna asas, kesan cahaya dan bayang, ton warna, warna-warna kontra yang dikaitkan dengan warna panas dan sejuk serta warna harmoni. Calon juga berjaya membincangkan kesan campuran warna pastel terhadap suasana yang terdapat dalam karya tersebut.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menterjemahkan aspek budaya di dalam karya bertajuk *Illustration # 11* oleh Zaim Durulaman. Karya ini memaparkan imej seorang kanak-kanak lelaki berbaju melayu dalam suasana suram serta imej karektor kartun Ultraman. Kebanyakkan calon hanya membuat terjemahan pada imej kanak-kanak lelaki itu sahaja dan majoriti terjemahan itu hanya menyentuh berkaitan pakaian kanak-kanak itu sahaja. Imej Ultraman pula kebanyakkan calon tidak menterjemahkannya dari aspek budaya.

BAHAGIAN C

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan kritikan seni sebagai satu proses untuk memahami dan menikmati karya seni visual. Soalan ini tidak menjadi pilihan pada kebanyakan calon. Jawapan yang diberikan oleh calon-calon pula tidak tepat. Kebanyakan calon membincangkan strategi kritikan dan juga kelebihan kritikan kepada pengkarya. Sedangkan kehendak soalan ialah kelebihan kepada audiens.

Soalan 10

Soalan ini menjadi pilihan oleh majoriti calon. Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan unsur seni dan prinsip rekaan dalam menimbulkan ekspresi watak dari animasi *Naruto Shippuden – Sasuke*. Kebanyakkan calon tidak menghuraikan jawapan dengan terperinci. Tumpuan jawapan hanya kepada ekspresi pada wajah secara umum sahaja. Calon tidak mengaitkan dengan unsur seni dan prinsip rekaan. Kombinasi jawapan unsur seni dan prinsip rekaan tidak dikaitkan bersama. Sebaliknya hanya unsur seni sahaja yang dikaitkan dengan watak animasi tersebut.

SENI VISUAL (970/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 8 590 calon menduduki peperiksaan bagi pelajaran ini dan 96.36% daripadanya telah mendaftar lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.19	5.53	9.63	7.76	10.19	23.56	14.32	3.18	2.06	0.87	0.71

RESPONS CALON

Komen am

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalannya adalah berdasarkan seting yang disediakan. Calon diuji kemahiran melukis dengan memberikan tumpuan pada aspek sifat objek dengan menggunakan media kering. Media tersebut tidak terbatas pada *graphite* (pensel) sahaja. Namun calon perlu mahir menguasai media yang dipilihnya. Pemilihan media sangat penting untuk menentukan keberkesanan menterjemahkan sifat-sifat pada objek di seting yang disediakan. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Calon melihat gambaran soalan hanya pada objek tanpa memperincikan kehendak soalan. Calon menghasilkan lukisan dengan berpandukan objek yang disusun tanpa mengolah secara kreatif.

Komen soalan

Soalan ini menghendaki calon membuat satu lukisan berdasarkan seting yang diberikan. Calon dikehendaki melukis dari sudut pandangan calon bagi seting yang telah disusun. Setingnya adalah di atas sebuah meja yang beralaskan sehelai kain pelikat, terletak sebotol air minuman yang kosong. Di sebelah kiri botol air tersebut, diletakkan sebuah gayung. Di hadapan gayung, terletak sehelai tuala mandi yang dilipat kemas. Satu lagi tuala mandi tidak dilipatkan dan diletakkan secara tidak kemas di sebelah botol air minuman. Di hadapan tuala mandi yang tidak dilipat itu terletak berus. Di hadapan berus dan tuala mandi yang berlipat, terletak ubat gigi dan sebatang berus gigi.

Soalan ini menguji calon untuk menghasilkan lukisan yang dapat memperlihatkan aspek sifat objek setiap bahan yang berbeza. Calon perlu mengkaji sifat objek bahan-bahan buatan manusia iaitu kain pelikat, botol air minuman, gayung, tuala mandi, berus, ubat gigi, dan berus gigi. Bahan-bahan tersebut merujuk kepada lembut, keras, licin, dan sebagainya.

Pada keseluruhannya, mutu lukisan yang dihasilkan calon adalah sederhana. Kekuatan calon adalah terletak pada kejayaan merealisasikan sifat semua objek-objek tersebut. Calon yang mempunyai pengamatan nilai estetika yang tinggi akan memilih sudut pandangan yang menarik dan mampu menghasilkan gubahan yang baik. Kebanyakan calon berjaya menimbulkan sifat bahan seperti kesan pantulan cahaya pada botol air, lipatan kain tuala, dan kedutan kain tuala.

Dari aspek kelemahan pula, kebanyakan calon tidak dapat menterjemahkan dengan baik sifat objek seperti menghasilkan kesan lutsinar, kelembutan dan jalinan pada kain tuala yang dilipat kemas ataupun yang diletak secara tidak kemas. Calon juga tidak dapat melukis dengan baik berus sabut atau berus kain. Secara keseluruhan lukisan sifat objek tidak kemas dan tidak terperinci.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199
Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488
Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my